

# Dulu *dropship*, kini ejen negeri Sabah

**S**etahun yang lalu, Nur Syazadatul Nisma Suhurani hanyalah seorang *dropship* untuk satu jenama tudung yang dijual atas talian. Alhamdulillah, berkat kesungguhan dan kesabaran, kini Syaza boleh tersenyum bangga apabila dia berjaya meletakkan dirinya sebagai ejen untuk negeri Sabah.

Pelajar tahun 3 dari Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengambil

jurusan Keusahawanan ini mula melibatkan diri dalam perniagaan pada Ogos 2018.

"Ketika itu saya bermula sebagai *dropship* sahaja dan sekarang saya dah jadi ejen untuk negeri Sabah. Produk yang saya jual adalah tudung bawal Lufya," katanya memulakan bicara.

## Dapat sambutan

Kongsi Syaza lagi, segalanya bermula ketika dia mengikuti program Thailand Inspiring

*Entrepreneurship* pada tahun lalu. Dari situ Syaza dikelilingi rakan sebaya yang mempunyai pendapatan ratusan ribu ringgit pada usia muda.

"Pada saya dengan ada bisnes kita mampu mengubah hidup yang lebih baik

dan salah satu sebab saya *join* bisnes adalah saya mahu mengubah kehidupan saya, keluarga dan nak tolong lebih ramai orang dengan cara membuka peluang pekerjaan apabila saya berjaya dalam perniagaan ini, Insya-ALLAH.

"Alhamdulillah, kejayaan saya pada hari ini kerana bimbingan mentor yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, iaitu Nur Atiqah Zailani, Pengasas Bawal Lufya. Syukur, tudung yang saya jual ini mendapat sambutan sangat menggalakkan terutama daripada pelajar-pelajar UMS," katanya yang banyak belajar tentang teknik pemasaran dan luaskan rangkaian pelanggan.

## Tak bayar hutang

Akui Syaza, sebagai usahawan, banyak cabaran yang dilalui. Antaranya, pada awal penglibatan kurang rasa yakin dalam diri menyebabkan dirinya lambat membuat tindakan untuk berfikir hala tuju perniagaan yang mahu dijalankan.

"Selain itu, pernah juga



Syaza bersama produk tudung bawal yang dijualnya.

pelanggan tak bayar hutang. Asyik berjanji namun kesudahannya tetap tak bayar. Saya ada maklumkan padanya berkali-kali, tapi tetap tak nak bayar. Saya ada pesan, 'kalau nak bayar 'just bank in', kalau tak nak bayar itu urusan dia dengan ALLAH, sebab saya dah halalkan,' kata Syaza.

## Bijak bahagikan masa

Jelas Syaza lagi, pekerjaan sampingan yang dilakukan ini turut mendapat restu daripada keluarganya, lebih-lebih lagi apabila melihat Syaza bijak membahagikan masa antara

belajar dan kerjanya. "Alhamdulillah, pembelajaran masih okey dan *maintain* walaupun kadang-kadang sibuk dengan urusan kerja. Lagipun saya buat kerja secara atas talian, memang tak kacau waktu kuliah.

"Jadi habis waktu kuliah saya masih ada masa untuk buat *posting* produk dan masa belajar memang saya tak akan pegang *handphone*," kata Syaza yang mengharapkan tahun 2019 dapat meningkatkan jualan dan berjaya melancarkan produknya sendiri.



Syaza bersama teman ketika menyertai program usahawan anjuran UMS